

**D.R. 27/2023**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Pindaan seksyen 9**

**2.** Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [*Akta 654*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 9(2) dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “tiga”.

**Pindaan seksyen 14**

**3.** Subseksyen 14(3) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “shall be guilty of” dengan perkataan “commits”.

**Pindaan seksyen 16**

**4.** Subseksyen 16(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (*d*).

**Pindaan seksyen 17**

**5.** Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda—

- (*a*) dalam perenggan (*b*), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (*b*) dalam perenggan (*c*), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan dengan perkataan “; atau”; dan
- (*c*) dengan memasukkan selepas perenggan (*c*) perenggan yang berikut:  
“(*d*) mana-mana pekerja Suruhanjaya.”.

**Seksyen baharu 19A**

**6.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19 seksyen yang berikut:

**“Sekatan ke atas penggunaan lambang atau representasi Suruhanjaya**

**19A.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan apa-apa lambang atau representasi yang dipilih atau dicipta oleh Suruhanjaya dan selepas itu mempamerkan atau menunjukkan lambang atau representasi itu berkaitan dengan aktiviti atau hal ehwalnya.

(2) Lambang atau representasi yang dipilih atau dicipta oleh Suruhanjaya hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Mana-mana orang yang menggunakan suatu lambang atau representasi Suruhanjaya tanpa mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya, atau menggunakan apa-apa lambang atau representasi yang menyerupai lambang atau representasi Suruhanjaya, atau mencipta apa-apa lambang atau representasi yang merujuk kepada Suruhanjaya hingga memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, atau berkemungkinan memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan seksyen 23**

7. Seksyen 23 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, dengan kelulusan Menteri,”.

### **Seksyen baharu 23A**

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 23 seksyen yang berikut:

#### **“Tatatertib**

**23A.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pekerjanya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang itu.

(2) Suruhanjaya boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib pekerjanya.”.

### **Pindaan seksyen 31**

9. Seksyen 31 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “selepas berunding dengan Menteri;”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “setakat yang dapat dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa” dengan perkataan “mengikut apa-apa cara yang dibenarkan”.

### **Pindaan seksyen 34**

**10.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 34 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Had untuk berkontrak**

**34.** Suruhanjaya boleh membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya dikehendaki untuk membayar atau menerima suatu amaan—

- (a) yang tidak melebihi sepuluh juta ringgit;
- (b) yang melebihi sepuluh juta ringgit tetapi tidak melebihi lima puluh juta ringgit, dengan kelulusan Menteri; atau
- (c) yang melebihi lima puluh juta ringgit, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan.”.

### **Pindaan seksyen 35**

**11.** Seksyen 35 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “dan kelulusan Menteri”.

### **Pindaan seksyen 41**

**12.** Subseksyen 41(2) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “shall be guilty of” dengan perkataan “commits”.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (“Akta 654”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan termasuk kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(2) Akta 654 untuk mengurangkan tempoh pemegangan jawatan anggota Suruhanjaya daripada lima tempoh kepada tiga tempoh.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong perenggan 16(2)(d) Akta 654. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Suruhanjaya boleh memberikan pinjaman dan biasiswa kepada pekerja Suruhanjaya di bawah seksyen 24 Akta 654 tanpa kelulusan Menteri.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 654 bagi membolehkan Suruhanjaya mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan kepada pekerja Suruhanjaya, kecuali kuasa untuk membuat perundangan subsidiari.
6. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 19A ke dalam Akta 654 untuk memberikan Suruhanjaya hak eksklusif untuk penggunaan lambang atau representasi Suruhanjaya dan untuk melarang penyalahgunaan lambang dan representasi itu.
7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 654 agar selaras dengan seksyen 22 Akta 654. Dengan cadangan pindaan ini, Suruhanjaya boleh menentukan syarat perkhidmatan pekerjanya tanpa kelulusan Menteri.
8. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 23A ke dalam Akta 654 bagi memberi Suruhanjaya kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib pekerjanya.
9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 654 bagi membolehkan Suruhanjaya untuk menentukan semua hal berkaitan dengan akaun bank tanpa berunding dengan Menteri.
10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta 654 bagi menetapkan had berdasarkan nilai kontrak yang kelulusan adalah dikehendaki bagi Suruhanjaya untuk membuat kontrak.
11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 35 Akta 654 bagi membolehkan Suruhanjaya untuk menentukan tatacara kewangannya tanpa kelulusan Menteri.
12. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

*Rang Undang-Undang**IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3299]